

BENGKEL ENGAGING QUALITATIVE APPROACH IN RESEARCH
University Teaching and Learning Centre

Telah Dihantar: 03 Oktober 2010 16:50

Kepada: UUM - All Staff


Sk: UUM - UTLC

03 OKTOBER 2010/24 SYAWWAL 1431H

" UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA "
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**BENGKEL ENGAGING QUALITATIVE APPROACH IN RESEARCH**

Sebagai penyelidik, langkah awal sebelum memulakan penyelidikan adalah mewujudkan persoalan yang perlu dijawab. Jawapan diperoleh dengan menjalankan kajian. Terdapat dua jenis pendekatan iaitu berbentuk kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian kualitatif dijalankan untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji (Marohaini 2001).

Pada 28 September 2010 yang lalu, UTLC telah menganjurkan Bengkel *Engaging Qualitative Approach In Research* di EDC. Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Marohaini Yusoff dari Universiti Malaya. Seramai 22 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada staf dan pelajar UUM.



Tujuan bengkel ialah membantu peserta untuk lebih memahami pendekatan kualitatif dalam kajian. Bengkel ini dibahagikan kepada tiga sesi iaitu sesi pertama berkaitan persediaan dan pemahaman tentang kajian sebelum menentukan pendekatan kualitatif. Sesi kedua mengupas idea-idea pembentukan kajian secara kualitatif dan permasalahan yang timbul daripada pemilihan bentuk kajian dan sesi ketiga adalah berkaitan isu-isu di dalam pengumpulan data.

Sesi pembelajaran adalah secara teori dan sesi soal jawab. Prof. Dr. Marohaini Yusoff adalah antara ahli akademik yang sangat berpengalaman di dalam kajian kualitatif dan banyak membantu peserta di dalam persoalan-persoalan yang berkaitan. UTLC berharap untuk mengadakan bengkel seumpama ini lagi di masa akan datang.

Habib